

# BORANG PENDAFTARAN

Untuk pengesahan pendaftaran, sila isi borang ini berserta bayaran

Sila tanda (/) yang berkenaan

Nama Kursus : SEMINAR SETIAUSAHA HEBAT (SuHEBAT 2018)  
'Setiausaha Impian Majikan'

Tarikh : 11 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

Tempat : HOTEL PREMIERA, KUALA LUMPUR

Yuran : ■ RM 690.00 seorang      ■ RM 490.00 seorang  
(20 orang atau lebih dari organisasi yang sama)

Yuran di atas termasuk bahan kursus, makan tengahari, minum pagi & petang dan sijil penyertaan.  
Sila hubungi PUAN MAIZATUL di talian 07-521 5166 / 012-745 6818 untuk mendapatkan paket kursus berserta penginapan

- YAI Sila daftarkan peserta-peserta berikut untuk kursus ini.
- Saya berminat tetapi tidak dapat turut serta. Sila maklumkan kursus yang akan datang.



Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(UTMSPACE)

11 OKTOBER 2018

HOTEL PREMIERA,  
KUALA LUMPUR

**RM 650  
/SEORANG  
EARLY BIRD  
Daftar Sebelum  
15 SEPT 2018**



# SEMINAR SETIAUSAHA HEBAT

**'Setiausaha Impian Majikan'  
(SuHEBAT 2018)**

*Sepetang Bersama  
Erra Fazira*

\*MAKLUMAT PESERTA YANG MENGHADIRI KURSUS :

BIL.	Nama Peserta	No. Tel Bimbit	E-mel	No. Kad Pengenalan (for HRDF claim)	Yuran (RM)

(Sila buat senarai tambahan jika perlu)

\*UTMSPACE menghormati privasi pelanggan berkaitan dengan data peribadi. Untuk butiran lanjut, sila layari: [www.utmspace.edu.my/pdpa](http://www.utmspace.edu.my/pdpa)

Jumlah

PEMBIAYAAN :  Tajaan Sendiri  Tajaan Syarikat / Organisasi

MAKLUMAT INDIVIDU / ORGANISASI (Untuk bujuan pengeluaran invois) :

Organisasi : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Pegawai Dihubungi : \_\_\_\_\_

No. Pend. Sykt\*  
\*Jika berkenaan

Telefon : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

No. Faksimili : \_\_\_\_\_

E-mel : \_\_\_\_\_

Pembatalan penyertaan yang diterima secara bertulis 30 hari sebelum program ini bermula layak menerima pembayaran balik, terikuk kepada 15% yuran pembatalan. Pembatalan yang diterima kurang daripada 14 hari dari tarikh program ini tidak layak menerima pembayaran balik. Walau bagaimanapun, peserta gantian dialu-alukan. Sila maklum, walaupun senarai penceraian dan tajuk ini disahkan belum pada masa percetakan, keadaan di luar kawalan pengaruh mungkin memerlukan pergeseran atau pembatalan penceraian dan/atau tajuk. Oleh itu, UTMSPACE berhati untuk memindah atau mengubah senarai yang telah diiktiraf.

Tandatangan  
Pengesahan\* : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Cop Syarikat

## PEMBAYARAN

A. Cek Berpalang (Cek Peribadi tidak diterima) atau Draft Bank

No. Cek /  
No. Draft Bank : \_\_\_\_\_

Bank/ Cawangan : \_\_\_\_\_

Cek berpalang / bank draft hendaklah dikemukakan kepada : UTMSPACE  
Nomor Akaun : 8601518228 | Nama Bank : CIMB Islamic Bank Berhad | Cawangan : UTM Skudai, Johor

B. Pindahan Telegrafik / Pesanan Kerajaan

Tarikh Urusniaga : \_\_\_\_\_

Nombor Rujukan : \_\_\_\_\_

| Tertakluk kepada tarma dan ayat |

## UTEKSI MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGKU :

PUSAT PEMBANGUNAN PROFESSIONAL, UTMSPACE Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia,  
No. 34 - 50, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 Skudai, Johor

Pegawai dihubungi : Puan Maizatul  
Tel : 012-745 6818, 07-521 5166 Faks : (607) 520 5725  
E-mel : [maizatul@utmspace.edu.my](mailto:maizatul@utmspace.edu.my)  
Laman Sesawang : [www.utmspace.edu.my](http://www.utmspace.edu.my)

Dapatkan kad Diskaun  
secara PERCUMA!  
Istimewa untuk peserta  
berkumpulan 20 orang  
penyertaan daripada  
jabatan yang sama



LIFELONG LEARNING  
CARD



UTMSPACE adalah Penyedia Latihan di bawah PSMB (Reg. No. 0902)

HRDF Claimable

## PENGENALAN

Profesjon Setiausaha telah wujud sekian lama seiring dengan era manusia mula mengenali erti pengurusan perniagaan dan perkhidmatan. Kehadirannya pasti diperlukan dalam membantu kelancaran tugas ketuanya disamping mampu menyumbang kepada peningkatan pencapaian agensi atau jabatan berkenaan. Memahami tanggungjawab sedemikian setiap setiausaha pastinya senantiasa sedia mempertingkatkan ilmu dan skil dari semasa ke semasa serta berusaha memberi kepuasan dari segi indeks pencapaian kerjanya. Peluang dan usaha sedemikian adalah dianggap sebagai sebahagian pembangunan kerjaya seorang setiausaha. Dalam ertikata lain menjadi seorang 'setiausaha hebat' adalah suatu impian. Sayugia diketahui, kebelakangan ini seorang setiausaha telah disarankan memiliki kebolehan kepelbagaian kerja, maka sewajarnya pembelajaran, pendedahan atau latihan secara berterusan wajar dilaksanakan dalam kontek pemantapan dan peningkatan kebolehan diri selaku setiausaha. Bagi pihak majikan pula, memiliki seorang setiausaha yang hebat, serba boleh dalam kerjanya dan mampu melaksanakan setiap tugas dengan memuaskan merupakan suatu yang dinantikan dan menjadi bonus sekiranya dapat dipenuhi.

Sekali lagi Pusat Pembangunan Profesional, UTMSPACE, menganjurkan "SEMINAR SETIAUSAHA HEBAT (SuHEBAT 2018)" pada 11 Oktober 2018. Kepelbagaian pengisian seminar pastinya boleh membantu seorang setiausaha untuk mengorak langkah menjadi seorang yang memiliki kebolehan melakukan pelbagai kerja (multitasking), proaktif dan inovatif serta mempunyai minda kelas pertama dalam melayari kerjayanya. Selain dari itu, diharapkan usaha murni ini juga dapat membantu setiausaha dalam memperlengkapkan dirinya dari segi minda, pengetahuan, kemahiran dan menjadikan mereka lebih berdaya saing dalam mendepani cabaran dan tuntutan semasa.

## OBJEKTIF

- Pendedahan tentang ciri-ciri seorang SETIAUSAHA HEBAT dengan menekankan nilai-nilai keseimbangan dalam melayari kerjayanya seperti mana diimpikan oleh majikannya.
- Mempertingkatkan kemahiran dan memberi nilai tambah dari segi seni dalam penulisan trengkas ketika menjalani tugas hakiki.
- Memperkenalkan teknik penulisan baru yang ringkas dan pantas serta dapat mempelajari kaedah mengambil ringkasan yang baru dan berkesan serta membantu memudahkan para setiausaha dan eksekutif untuk mengambil rencana atau minit mesyuarat dengan efektif.
- Pendedahan terhadap aspek protokol bagi melancarkan urusan dengan pihak luar.
- Memberi inspirasi dan membina motivasi ke arah pencapaian cemerlang di samping mampu melahirkan seorang setiausaha yang profesional, berpersonaliti dan mempunyai mentaliti berdaya saing.
- Merungkai keperluan pakej kebijaksanaan, kebolehan, kecantikan, kesediaan, kesihatan dan ketrampilan bergerak seiringan dengan kerjaya demi merealisasikan pencapaian cemerlang seperti mana yang dihasratkan oleh MAJIKAN.

## TENTATIF PROGRAM

07.45 - 08.20 pg	:	Pendaftaran Peserta
08.20 - 08.30 pg	:	Ucapan Aluan
08.30 - 10.30 pg	:	SETIAUSAHA IDAMAN MAJIKAN (Oleh: Mastura Azlina binti Mohammad, Ketua Peg. Perancangan Strategik, Kumpulan SPNB)
10.30 - 11.00 pg	:	Minum Pagi
11.00 - 01.00 tgh	:	SUPERWRITE : New Writing Technique (Oleh : Siti Khalijah binti Majid, Ketua Pusat Pengajian UiTM Jengka Pahang)
01.00 - 02.00 ptg	:	Makan Tengahari/Rehat/Solat
02.00 - 03.30 ptg	:	PROTOCOL FOR SECRETARY (Oleh : Ahmad Dan bin Setapa 'Mr. Protokol')
03.30 - 04.30 ptg	:	BICARA SANTAI: SIHAT & CANTIK BERSAMAERRA FAZIRA
04.30 ptg	:	Majlis Penutup & Penyampaian Sijil
05.00 ptg	:	Minum Petang & Bersurai

## SIAPA PERLU MENGHADIRI SEMINARINI?

Semua Setiausaha Eksekutif, Setiausaha Pejabat, Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Khas, Penolong Pegawai, Penolong Eksekutif, Pembantu Tadbir/Kerani, Pengurus Perhubungan Pelanggan, Pegawai Khas dan Individu yang berminat.

## PROFIL PENCERAMAH

**Siti Khalijah Majid** merupakan Pensyarah Kanan dari Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Jengka, Pahang. Beliau memperolehi Sarjana Pembangunan Sumber Manusia dari Universiti Pertanian Malaysia dan Sarjana Muda Pendidikan Perniagaan dari Universiti Of Toledo, Ohio. Beliau mempunyai pengalaman lebih dari 29 tahun dalam bidang Kemahiran Pejabat dan Pengurusan Pejabat sebagai Jurutrengkas, Jurulatih Kesetiausahaan & Trainer Bengkel Penulisan RINTAS.



**Ahmad Dan Setapa** mempunyai 26 tahun pengalaman sebagai trainer. Sejak tahun 2006, memfokuskan latihan, bengkel dan kursus-kursus seperti penulisan dokumen rasmi Kerajaan, penulisan teks ucapan, protokol dan pengurusan majlis, pengacaraan majlis rasmi, imej dan keterampilan diri, etiket sosial, dining skill dan pengucapan awam, komunikasi interpersonal. Berkelulusan Sarjana Muda Komunikasi [Corporate Comm], Universiti Putra Malaysia [UPM] dan berkelulusan profesional dalam latihan Certified Professional Image Consultant dari Training Cube International, Certified HRDF Trainer dari PSMB, Certified Protocol Trainer dari Bahagian Istiadat, Jabatan Perdana Menteri, Certified Safety Health Officer (SHO), dari NOISH, KSM.



**Mastura Azlina Mohammad** merupakan Ketua Pegawai Perancangan Strategik Kumpulan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Mempunyai pengalaman lebih 23 tahun dalam industri pembinaan. Beliau juga memperolehi Sarjana Sains Pengurusan Projek Pembinaan Bersepadu dari Universiti Teknologi MARA (UiTM).



**Erra Fazira** ialah seorang pelakon, penyanyi, pengacara dan model. Dilahirkan dan dibesarkan di Rawang, Selangor, Erra mulakan kerjaya profesionalnya pada 1992 dengan menyertai pertandingan Ratu Cantik Miss Malaysia World 1992 dan memenangi gelaran tersebut. Pada tahun yang sama, beliau melancarkan kerjaya lakonannya dengan lakaran kejayaan apabila filem sulungnya itu mencatat kutipan pecah panggung. Beliau diberi jolokan sebagai "Primadona Filem Melayu Alaf Baru" sejak tahun 1994 sehingga kini apabila deretan filem-filem lakonannya selepas itu turut mencatat kejayaan. Selain bergelar pelakon, Erra juga seorang penyanyi pop yang popular di Malaysia dan negara serantau. Sekarang Erra Fazira bergiat aktif dan lebih bersemangat merancang pelbagai strategi untuk mengembangkan lagi perniagaannya apabila produknya, Rara Cookies dan Tudung Rara menerima maklumbalas yang sangat memberangsangkan. Kini, Erra Fazira terus aktif dengan kerjayanya sebagai artis di bawah naungan Syarikat Pengurusan MindOrder Management.

